

**Masyarakat Cina Perlu Bijak Pilih Parti Untuk Terajui Kerajaan - Heng  
Bernama  
20 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Naib Pengerusi Wanita MCA Datuk Heng Sae Kie meminta masyarakat Cina supaya bijak menilai dalam memberi peluang kepada mana-mana parti untuk menjadi kerajaan pada pilihan raya umum akan datang.

Sehubungan itu, beliau berharap mereka tidak terus-menerus diperdaya pihak pembangkang dengan pelbagai isu termasuk Hudud.

Ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita MCA di sini, Sabtu, Heng yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata Wanita MCA juga bersetuju dengan tindakan kerajaan untuk meminda Seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah dalam usaha menangani kes rogol bawah umur.

Beliau berkata hukuman setimpal patut dikenakan ke atas pesalah rogol seperti dikenakan hukuman penjara dan tidak sepatutnya menggunakan budi bicara hakim bagi meringankan hukuman ke atas pesalah.

"Cadangan tersebut telah disampaikan dan diharapkan pindaan tersebut akan dibuat secepat mungkin bagi mengelakkan lebih ramai gadis di bawah umur menjadi mangsa rogol," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703572>